

Engkaulah Adiwiraku Sebagai Saluran Informasi COVID-19 Berdasarkan Model Komunikasi SCMR Berlo

ROHAYATI JUNAIDI
Universiti Pendidikan Sultan Idris

MADIAWATI MAMAT @ MUSTAFFA
TENGKU INTAN MARLINA TENGKU MOHD ALI
Universiti Malaya

NUR FAAIZAH MD ADAM
Universiti Pendidikan Sultan Idris

SITI NUR ANIS MUHAMMAD APANDI
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Karya bertulis memainkan peranan penting sebagai saluran berinformasi menyampaikan mesej dan nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat. Makalah ini membincangkan peranan yang dimainkan oleh cerita *Engkaulah Adiwiraku* (2020) untuk menyalurkan informasi COVID-19 kepada masyarakat. COVID-19 merupakan sejenis koronavirus baharu yang sebelum ini tidak pernah dikenal pasti serta mampu menjangkiti individu lain melalui titisan pernafasan dan sentuhan. Virus ini telah melanda dunia sejak bulan Disember 2019. Bagi mengekang wabak koronavirus daripada terus merebak, semua individu memainkan peranan penting. Proses penyaluran maklumat dilakukan melalui pelbagai medium komunikasi sama ada secara lisan atau tanpa lisan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat. Karya sastera turut mengambil peranan dalam menyampaikan maklumat tentang COVID-19 kepada masyarakat. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis informasi yang terdapat dalam *Engkaulah Adiwiraku* (2020) bagi melihat peranannya sebagai media komunikasi dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak sasaran. Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Analisis teks dilakukan dengan mengaplikasikan Model Komunikasi SMCR Berlo (1960). Analisis kajian membuktikan bahawa *Engkaulah Adiwiraku* (2020) sarat dengan informasi penting mengenai COVID-19 dan peranan setiap individu bagi melawan penyebaran virus tersebut. Kajian juga menunjukkan bahawa bahasa yang ringkas dan mudah bersesuaian dengan tahap kemahiran bahasa kanak-kanak menjadi unsur penting dalam menyalurkan maklumat kepada kanak-kanak. Kesimpulannya, *Engkaulah Adiwiraku* (2020) berperanan sebagai media komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan maklumat mengenai COVID-19 kepada masyarakat sekaligus menunjukkan kepentingan karya sastera dalam menyalurkan maklumat kepada khalayak.

Kata kunci: *Engkaulah Adiwiraku*, COVID-19, sastera, komunikasi, Berlo.

Engkaulah Adiwiraku as a COVID-19 Information Channel Based on Berlo's Model of SCMR

ABSTRACT

Written work plays an important role in being an informative channel to deliver messages and human values to society. This paper discusses the role played by the story *Engkaulah Adiwiraku* (2020) in being a communication medium to deliver COVID-19 information to the community. COVID-19 is a new type of coronavirus that has never been identified before and spreading to other individuals through respiratory droplets and contact. This virus has hit the world since December 2019. To curb the coronavirus epidemic from continuing to spread, all individuals play an important role. The process of channelling information is done through various communication mediums, either verbally or non-verbally to give awareness to the community. Literary works also play a role in conveying information about COVID-19 to the community. The objective of this study is to analyze the information contained in *Engkaulah Adiwiraku* (2020) to see its role as a communication medium in delivering information to the audience. This study is in the form of qualitative research using bibliographic methods and text analysis. Text analysis was done by applying Berlo's SCMR Communication Model (1960). Research finding proves that *Engkaulah Adiwiraku* (2020) is loaded with important information about COVID-19 and the role of each individual in fighting the spread of the virus. The findings also show that simple and easy language that matches the level of children's language skills is an important element in conveying information to children. In conclusion, *Engkaulah Adiwiraku* (2020) acts as an effective communication medium to convey information about COVID-19 to the community thus showing the importance of literary works in channelling information to the audience.

Keywords: *Engkaulah Adiwiraku, COVID-19, literature, communication, Berlo.*

PENGENALAN

Pandemik COVID-19 (2019-nCoV) atau pandemik COVID-19 sejenis wabak penyakit koronavirus telah melanda dunia sejak Disember 2019 bermula di Bandaraya Wuhan, Hubei, China dan merebak ke seluruh dunia. Virus ini boleh menjangkiti individu dari pelbagai peringkat umur apabila terdedah dengan seseorang atau objek yang telah dijangkiti virus tersebut. Atas kesedaran tersebut, semua pihak dari pelbagai organisasi dan persendirian berganding bahu berusaha untuk mencegah penyebaran wabak tersebut dengan menggunakan pelbagai medium komunikasi massa untuk memberi maklumat dan kefahaman kepada masyarakat. Buku cerita merupakan salah satu media komunikasi dalam bentuk tulisan yang menggunakan bahasa untuk menyalurkan mesej yang bermaklumat kepada masyarakat.

Turow (2010) menjelaskan bahawa komunikasi sebagai hubungan atau interaksi antara manusia yang melibatkan penyebaran dan pemahaman sesuatu mesej. Mesej ini boleh terdiri daripada hiburan, maklumat atau pembujukan. Penyebaran mesej ini boleh dilakukan melalui pelbagai cara sama ada lisan atau visual, dengan sengaja atau tanpa sengaja. Oleh yang demikian, karya sastera dapat dikategorikan sebagai medium komunikasi lisan bertulis yang berfungsi menyebarkan dan memberi pemahaman kepada khalayak sasaran. *Engkaulah Adiwiraku* (2020) dihasilkan oleh pengarang daripada kerjasama lebih 50 organisasi yang bekerja di sektor

kemanusiaan, termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Tabung Kanak-kanak PBB, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Pesuruhjaya Tinggi untuk Pelarian, Persekutuan Palang Merah Antarabangsa dan Persatuan Bulan Sabit Merah dan Selamatkan Anak-Anak telah memperlihatkan peranan karya sastera sebagai komunikasi massa. Pengarang menggunakan *Engkaulah Adiwiraku* (2020) sebagai alat komunikasi untuk menasihati dan menyedarkan bagi menterjemahkan pemikiran pengarang berkaitan COVID-19.

Cerita tersebut berkisar tentang kanak-kanak bersama-sama dengan rakan-rakannya mengembara di seluruh dunia untuk memberi kesedaran kepada rakan-rakan yang lain tentang bahaya COVID-19 dan langkah-langkah yang oleh dilakukan untuk melawan virus tersebut daripada terus merebak. Meskipun kanak-kanak bukanlah individu yang menunjukkan purata yang tinggi dijangkiti oleh COVID-19, kanak-kanak merupakan individu yang mengalami tekanan emosi yang lebih tinggi. Oleh hal yang demikian kerana, penghasilan cerita *Engkaulah Adiwiraku* (2020) dapat berfungsi bukan sahaja sebagai medium menyampaikan informasi mengenai COVID-19, tetapi turut mampu menjadi hiburan kepada kanak-kanak sekali gus sebagai hiburan berinformasi. Hal ini selari dengan peranan karya sastera, iaitu sebagai hiburan dan bermanfaat. Ahmed (2017) menerangkan bahawa sastera dapat menjadi saluran mengajar pembaca tentang pengalaman kehidupan.

Berdasarkan cerita *Engkaulah Adiwiraku* (2020), informasi berkaitan COVID-19 dianalisis dalam memperlihatkan peranannya dalam menyampaikan maklumat penting kepada khalayak sasaran menggunakan Model Komunikasi SMCR Berlo (1960). Kajian ini menjelaskan bahawa cerita kanak-kanak mampu menjadi media komunikasi dalam menyampaikan maklumat penting kepada kanak-kanak dengan cara yang lebih dekat dan mesra. Selain itu, emosi kanak-kanak mudah terganggu dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka, maka karya sastera boleh dijadikan sebagai media yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Ani Omar (2012) menyatakan bahawa karya sastera dapat menjadi wahana untuk mendidik kanak-kanak berkaitan perihal manusia dan kemanusiaan. Dengan kata lain, karya sastera memainkan peranan penting sebagai medium untuk menyalurkan ilmu pengetahuan yang bermanfaat kepada kanak-kanak.

SOROTAN LITERATUR

Peranan karya sastera sebagai alat komunikasi untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat bukan suatu yang asing kerana peranan ini telah wujud sejak kesusasteraan Melayu tradisional lagi. Hal ini dibuktikan oleh beberapa kajian yang memperlihatkan peranan karya sastera sebagai alat komunikasi menyampaikan nilai-nilai yang mendidik masyarakat. Muhd Norizam dan Shaiful Bahri (2015) mengkaji peranan karya tradisional Melayu dalam konteks komunikasi massa dengan mengaplikasikan Model *Source-Message-Channel-Receiver* (SCMR) oleh Wilbur Schramm (1982). Kajian tersebut menunjukkan bahawa mesej yang disampaikan melalui watak-watak dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional mampu menjadi contoh teladan kepada khalayak pembaca. Kajian Ahmed (2017) menyatakan bahawa sastera sebagai saluran pendidikan dan memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Ahmed memperlihatkan peranan sastera sebagai saluran komunikasi verbal yang menyampaikan mesej untuk mendidik khalayak

pembaca. Melalui sastera, masyarakat dapat menilai kehidupan, memberi inspirasi dan memberi perspektif baru mengenai kehidupan.

Kajian Mohd Daud dan Rohaidah (2015) terhadap novel *Anak Titiwangsa* membuktikan bahawa karya tersebut sarat dengan mesej berkaitan kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan. Penyaluran mesej melalui karya sastera ini menunjukkan peranan penting yang telah dimainkan oleh karya sastera dari dahulu sehingga kini. Seterusnya, Ghazali, Abdul Halim dan Mohd Azam (2015) memperlihatkan bahawa puisi dapat menjadi saluran untuk pengarang menyampaikan mesej mendidik masyarakat dan mempengaruhi emosi pembaca. Berdasarkan dapatan kajian Ghazali et al. (2015) menunjukkan peranan puisi yang berbentuk komunikatif dapat menjadi medium menyalurkan mesej pengarang kepada masyarakat. Kajian tersebut turut membuktikan bahawa bahasa memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan mesej yang disalurkan. Zahir (2005) memperlihatkan bahawa karya sastera Islam sarat dengan nilai-nilai yang dapat mendidik masyarakat. Dengan kata lain, kajian Zahir (2005) menunjukkan bahawa karya sastera sebagai medium menyalurkan nilai-nilai yang dapat membentuk akhlak masyarakat. Kajian Farra dan Nik Rafidah (2016) turut membuktikan bahawa pengarang menyalurkan unsur pemikiran kerohanian dalam karya untuk menyampaikan kesan positif kepada kanak-kanak. Unsur kerohanian yang digarap dalam kelima-lima cerpen kanak-kanak mampu dijadikan panduan yang bermanfaat kepada kanak-kanak. Di samping itu, Ani (2012) menjelaskan bahawa sastera kanak-kanak merupakan bahan bacaan yang berfungsi menyampaikan maklumat berkaitan gambaran sifat dan hati budi sesuatu bangsa. Hal ini membuktikan bahawa karya sastera mampu menjadi media komunikasi menyalurkan mesej kepada masyarakat.

Chew (2008) memperlihatkan bahawa karya sastera mampu memupuk semangat nasionalisme dan patriotik bagi penyatuan semua etnik di Malaysia sekali gus menunjukkan peranan karya sastera sebagai media komunikasi menyalurkan maklumat kepada masyarakat. Misran (2006) menjelaskan bahawa karya sastera bertujuan untuk mendidik dan mengukuhkan keperibadian, daya fikir dan bahasa individu. Kajian tersebut menyatakan bahawa karya sastera dapat membantu untuk menanam nilai-nilai moral pada masyarakat sekali gus memperlihatkan peranan sastera sebagai medium pendidikan dan pembangunan modal insan. Wenzel (2005) menyatakan bahawa menerusi sastera, manusia dapat menerangkan sains semula jadi, memahami kemanusiaan dan memelihara sejarah persekitaran, mempertajam kekuatan akal dan melahirkan serta menyatakan keperluan rohani. Dengan kata lain, sastera merupakan medium dalam mempelajari dan menyampaikan ilmu pengetahuan yang menyeluruh.

Kajian lepas membuktikan bahawa karya sastera berupaya menjadi media komunikasi dalam menyalurkan mesej moral dan kemanusiaan untuk mendidik masyarakat. Selain itu, penelitian terhadap kajian-kajian lepas turut menemui peranan karya sastera sebagai medium mempengaruhi emosi masyarakat pembaca menerusi mesej yang digarap di dalam sesebuah karya. Daripada penelusuran tersebut menunjukkan bahawa karya sastera dapat menjadi medium menyalurkan maklumat penting kepada masyarakat. Secara tidak langsung, mesej atau pesan yang digarap dalam karya sastera berperanan penting untuk mendidik dan menyalurkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam karya sama

ada secara tersurat atau tersirat sekali gus memperlihatkan peranan karya sastera sebagai saluran informasi. *Engkaulah Adiwiraku* (2020) merupakan sebuah platform alat komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan dan memberi kefahaman berkaitan COVID-19 kepada masyarakat, khususnya kanak-kanak. Justeru, kajian ini akan menganalisis *Engkaulah Adiwiraku* (2020) dengan menggunakan Model Komunikasi SMCR Berlo (1960). Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis informasi yang terdapat dalam *Engkaulah Adiwiraku* (2020) dengan menggunakan Model Komunikasi SMCR oleh Berlo (1960) bagi melihat peranannya sebagai media komunikasi dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak sasaran.

INTERPRETASI & KANDUNGAN TEKS

Kajian ini menggunakan cerita *Engkaulah Adiwiraku* (versi Bahasa Inggeris *My Hero is You*) yang dihasilkan untuk bacaan kanak-kanak. Cerita asal ditulis dalam Bahasa Inggeris dan telah diterjemahkan kepada enam bahasa lain. Versi Bahasa Melayu adalah hasil kerja perunding doktor kesihatan awam dan bahagian kawalan penyakit Kementerian Kesihatan (bahagian penyakit tidak berjangkit), iaitu Dr Feisul Idzwan Mustapha. Beliau mengatakan bahawa meskipun kanak-kanak kurang berisiko terdedah dengan COVID-19, tetapi kanak-kanak terpengaruh dari segi emosi terutama kesan daripada perubahan drastik yang berlaku di sekitar mereka. Oleh sebab itu beliau telah menghubungi penerbit untuk menjadi sukarelawan untuk melakukan Terjemahan Bahasa Melayu (BM). Justifikasi pemilihan teks kajian ini dapat dilihat dari segi penerbitan buku tersebut. Hal ini kerana penerbitan buku ini memperlihatkan tujuannya, iaitu untuk menyampaikan maklumat mengenai COVID-19 kepada kanak-kanak dengan cara yang mesra dan kreatif. Buku cerita tersebut menerangkan bagaimana kanak-kanak dapat melindungi diri-sendiri, keluarga dan rakan mereka daripada COVID-19, serta menerangkan cara pengurusan emosi ketika berdepan dengan situasi tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks dengan menggunakan Model Komunikasi SMCR Berlo (1960). Kajian kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan atau sumber yang berkaitan, iaitu tentang karya sastera sebagai medium menyalurkan pesan pengarang kepada masyarakat. Sumber utama yang digunakan terdapat dalam bentuk bertulis seperti koleksi persidangan, jurnal dan kajian-kajian ilmiah yang telah dilakukan oleh para pengkaji. Kaedah analisis teks melibatkan pembacaan teliti terhadap teks kajian diikuti dengan pemilihan elemen-elemen penting yang memperlihatkan peranan teks sebagai medium komunikasi COVID-19.

MODEL KOMUNIKASI SMCR BERLO (1960)


Komunikasi telah wujud sejak zaman kuno, namun perubahan dan pertambahan medium yang digunakan seiring dengan perkembangan teknologi. Selari dengan perkembangan zaman yang semakin maju dengan pelbagai teknologi moden, komunikasi wujud dalam pelbagai wahana. Devito dalam Syofiah, Zamri dan Jamaludin (2013) menjelaskan bahawa komunikasi merupakan proses penghantaran dan penerimaan mesej antara dua individu yang akan memberikan kesan

dan tindak balas serta merta. Komunikasi berlaku sama ada perhubungan secara langsung atau dengan perantaraan seperti surat, radio, telefon dan sebagainya untuk menyampaikan maklumat atau informasi. Burgoon dan Ruffner (1978) mendefinisikan komunikasi adalah suatu proses yang membabitkan perolehan makna yang dikongsi dan difahami bersama.

Dengan kata lain, komunikasi melibatkan proses menyampaikan dan menerima pesanan. Kajian ini menggunakan pendekatan konseptual dengan menganalisis peranan penting *Engkaulah Adiwiraku* (2020) sebagai media komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan mesej atau pesan kepada masyarakat. Model SMCR diperkenalkan oleh Berlo (David K. Berlo) pada tahun 1960 dalam bukunya *The Process of Communication*. Model komunikasi Berlo (1960) berasal daripada ilmu dan teori Aristotle. Berlo mengembangkan model komunikasi berdasarkan model komunikasi Shannon dan Weaver yang dicetuskan pada tahun 1949. Model komunikasi Berlo (1960) merangkumi perlakuan dari komunikasi massa, publik, interpersonal dan komunikasi bertulis. Model komunikasi Berlo (1960) mengandungi empat faktor penting yang mempengaruhi kualiti komunikasi, iaitu sumber (*source*), mesej (*message*), saluran (*channel*) dan penerima (*receiver*).

Sumber adalah seseorang yang memberikan mesej atau orang yang menghantar mesej kepada penerima. Menurut Berlo (1960), sumber dan penerima dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti keterampilan berkomunikasi, tindakan yang diambil, pengetahuan, sistem sosial dan kebudayaan lingkungan sekitar. Mesej adalah isi kandungan atau inti sari dari komunikasi yang disampaikan oleh sumber dalam bentuk suara, teks, video atau pelbagai saluran media yang lain. Mesej mempunyai sifat menghibur, informatif, mendidik, persuasif dan propaganda. Mesej dapat disampaikan melalui dua cara, iaitu lisan dan tanpa lisan. Penyusunan inti mesej harus disesuaikan dengan penerima. Selain itu, penggunaan bahasa, gambar dapat difahami oleh penerima. Bahasa memainkan peranan penting dalam memastikan mesej yang hendak disalurkan difahami dan dapat diterima oleh penerima mesej.

Saluran merujuk kepada media yang digunakan untuk menghantar mesej. Saluran komunikasi terdiri daripada tiga bahagian, iaitu lisan, bertulis dan elektronik. Saluran komunikasi massa yang melibatkan mesin teknikal, boleh digunakan saluran seperti telefon, internet dan lain-lain. Komunikasi umum pula melibatkan lima pancaindera manusia adalah saluran untuk aliran komunikasi dan ia mempengaruhi keberkesanan saluran, iaitu pendengaran, penglihatan, sentuhan, bau dan rasa. Menurut Model SMCR Berlo (1960), saluran yang digunakan dapat diterima oleh sasaran, mudah digunakan oleh sumber dan penerima dan bersesuaian dengan mesej yang hendak disampaikan. Penerima adalah individu yang menerima mesej dan cuba memahami apa yang hendak disampaikan oleh pengirim dan bertindak balas dengan sewajarnya. Model Berlo percaya bahawa komunikasi yang berkesan dapat dicapai jika pengirim dan penerima berada pada tahap yang sama. Mesej mungkin tidak mempunyai kesan yang sama seperti yang dimaksudkan jika penerima dan pengirim tidak serupa. Penerima terdiri daripada khalayak, masyarakat dan lain-lain. Model komunikasi Berlo (1960) dapat dilihat dalam Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Model Komunikasi SMCR Berlo (1960)

Rajah 1 menunjukkan bahawa Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) terdiri dari empat (4) proses utama, iaitu *source* (sumber), *message* (mesej), *channel* (saluran) dan *receiver* (penerima) untuk memastikan komunikasi berlaku. Sumber memainkan peranan penting untuk menyalurkan mesej kepada penerima dengan menggunakan saluran yang bersesuaian dengan tahap kemahiran komunikasi, sikap, pengetahuan, sistem sosial dan budaya penerima. Berdasarkan Model Komunikasi SMCR Berlo (1960), sumber dan penerima perlu mempunyai elemen yang sama bagi memastikan komunikasi yang seimbang atau mesej yang disalurkan dapat diterima oleh penerima. Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) tidak terhad kepada komunikasi massa, namun merangkumi komunikasi interpersonal dan berbagai-bagai bentuk komunikasi bertulis yang lain.

ENGKAULAH ADIWIRAKU SEBAGAI SALURAN INFORMASI COVID-19 BERDASARKAN MODEL KOMUNIKASI SCMR BERLO

Karya sastera dihasilkan untuk memberi hiburan dan ilmu pengetahuan kepada khalayak pembaca. Arman (1976) menerangkan bahawa kesusasteraan kanak-kanak berperanan sebagai sumber menyalurkan teladan, hiburan dan memperluaskan pandangan serta membentuk jiwa positif dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini menjelaskan peranan karya sastera sebagai media komunikasi menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Selain itu, terdapat banyak karya sastera tradisional mahu pun moden memperlihatkan peranan penting sebagai wadah menyampaikan maklumat kepada khalayak pembaca. Oleh hal yang demikian, *Engkaulah Adiwiraku* (2020) berperanan dalam memberi maklumat kepada kanak-kanak berkaitan COVID-19 selari dengan peranan yang telah dimainkan oleh karya sastera sejak zaman tradisional lagi.

Engkaulah Adiwiraku terjemahan dari *My Hero is You* yang telah dihasilkan oleh Helen Patuck (2020) melalui projek *Agency Standing Committee Reference Group on Mental Health and Psychosocial Support in Emergency Settings* (IASC MHPSS RG) dan mendapat sokongan pelbagai pakar pada peringkat global, rantau dan negara dari agensi-agensi yang menjadi rakan IASC MHPSS RG, ibu bapa, penjaga, guru dan kanak-kanak dari 104 buah negara. Selain itu, untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan COVID-19, bentuk penyampaian yang bersesuaian

dengan tahap pemikiran dan penerimaan kanak-kanak, pengarang melakukan penyelidikan dan tinjauan menyeluruh, iaitu merujuk secara langsung kepada organisasi-organisasi penting, ibu bapa, penjaga, guru dan kanak-kanak di seluruh dunia sebelum penghasilan karya. Pengarang turut melakukan tinjauan global dalam Bahasa Arab, Inggeris, Itali, Perancis dan Sepanyol bagi menilai keperluan mental, kesihatan dan psikososial kanak-kanak. Malahan, maklum balas daripada kanak-kanak, ibu bapa dan penjaga setelah dibacakan buku cerita tersebut telah digunakan untuk penambahbaikan. Hal ini membuktikan bahawa sumber dari penghasilan *Engkaulah Adiwiraku* (2020) merupakan sumber-sumber yang dipercayai, seperti penghasilannya melalui hasil soal selidik lebih dari 1,700 kanak-kanak, ibu bapa, penjaga dan guru dari seluruh dunia. Selain itu, penulis turut mendapat sokongan daripada organisasi penting dunia seperti *World Health Organization* (WHO), *The United Nations Children’s Fund* (UNICEF), *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) dan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). Hal ini dapat dilihat dalam beberapa petikan di bawah:

“Previous humanitarian emergencies have shown us how vital it is to address the fears and anxiety of young people when life as they know it gets turned upside down. We hope that this beautifully-illustrated book, which takes children on a journey across time zones and continents, will help them to understand what they can do to stay positive and keep safe during the coronavirus outbreak.” (Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus, Director-General World Health Organization)

“All over the world, children’s lives have been completely upended — the majority of them living in countries with some form of restricted movement or lockdown. This wonderful book helps children understand and navigate this new landscape and learn how they can take small actions to become the heroes in their own stories.” (Henrietta Fore, Executive Director UNICEF)

“This is an important resource for children around the world with a strong message of inclusion at its heart – that this pandemic can only be beaten if everyone is included in its prevention and response. Children, including those who are refugees, displaced and stateless, can help too. No-one is protected unless we are all protected.” (Filippo Grandi, United Nations High Commissioner for Refugees UNHCR)

“Sharing facts and reliable information is vital to respond to COVID-19, and I wish to commend the creativity and passion of all artists, writers and publishers who find compelling ways to translate and craft stories and artwork so they can reach children and families to comfort and guide them through a distressing situation. UNESCO is proud to support this initiative and we see this as an example of the contribution of the artistic community to the well-being and resilience of all.” (Audrey Azoulay, Director General UNESCO)

Berdasarkan petikan tersebut, individu-individu yang berperanan penting dalam organisasi seperti WHO, UNICEF, UNHCR dan UNESCO memperkatakan peranan penting yang dimainkan oleh *Engkaulah Adiwiraku* (2020) dalam menyampaikan maklumat dan memberi kefahaman kepada kanak-kanak tentang COVID-19. Individu-individu tersebut merupakan individu yang berperanan penting dalam organisasi penting dunia yang turut bekerjasama dalam penghasilan *Engkaulah Adiwiraku* (2020), selain mendapat sokongan daripada pelbagai pakar pada peringkat global, rantau dan agensi-agensi ASC MHPSS RG. Perkongsian cerita daripada ibu bapa, penjaga, guru dan kanak-kanak turut menjadi sumber informasi kepada pengarang dalam penghasilan *Engkaulah Adiwiraku* (2020). Perkara ini membuktikan bahawa penghasilan *Engkaulah Adiwiraku* (2020) melalui proses yang teliti dan rapi dengan melalui proses penyelidikan dan melibatkan semua pihak bermula dari akar umbi seperti kanak-kanak, ibu bapa, penjaga, guru sehingga organisasi-organisasi global dan rantau. Hal ini sekali gus menunjukkan pengarang menulis buku cerita tersebut bersandarkan pengetahuan dan mengambil peduli lingkungan persekitaran yang terjejas kerana pandemik COVID-19.

Seterusnya, mesej berupa informasi atau maklumat yang disalurkan dalam hasil karya memainkan peranan penting untuk mendidik dan memberi pengetahuan kepada golongan sasaran. Malahan, kepentingan unsur mesej dalam karya sastera telah berakar umbi sejak kesusasteraan Melayu tradisional melalui karya sastera lisan. Masyarakat zaman dahulu menggunakan sastera lisan untuk mendidik masyarakat. Mesej-mesej moral yang digarap dalam sastera lisan memperlihatkan peranan sastera sebagai media komunikasi yang dihasilkan oleh individu meskipun pada zaman kesusasteraan tradisional hasil sastera bersifat kolektif. Muhd Norizam dan Shaiful Bahri (2015) menyatakan bahawa karya bertulis menjadi perantaraan berguna untuk menyalurkan mesej dan informasi kepada khalayak. *Engkaulah Adiwiraku* (2020) turut memperlihatkan mesej jelas yang hendak disampaikan oleh pengarang, iaitu berkaitan COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia. Mesej yang disampaikan dalam buku cerita *Engkaulah Adiwiraku*, iaitu menceritakan gejala COVID-19 seperti simptom yang akan dialami apabila dijangkiti virus tersebut. Kedua, langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil bagi menjaga diri sendiri, keluarga dan masyarakat daripada dijangkiti COVID-19. Ketiga, pesanan kepada masyarakat supaya tidak memulaukan individu yang telah sembuh daripada COVID-19 dapat dilihat dalam petikan berikut:

“COVID-19 atau coronavirus, adalah kuman halus yang tidak dapat dilihat,” kata ibunya. “Namun, ia merebak apabila orang yang sakit batuk dan bersin lalu mereka menyentuh orang lain atau barang-barang di sekeliling mereka. Orang yang sakit mengalami demam dan batuk, dan kadang-kala sukar bernafas.”

“Saya batuk dan kadang-kala badan terasa terlalu panas. Saya juga berasa sangat penat dan tidak mahu bermain selama beberapa hari,” kata Kim.”

Petikan tersebut memberi definisi ringkas mengenai COVID-19 supaya mudah difahami oleh kanak-kanak. Hal ini kerana bahasa yang digunakan dalam menyampaikan maklumat perlu mengambil kira tahap kemahiran bahasa dan komunikasi khalayak sasaran yang menerima mesej tersebut. Selain itu, petikan tersebut memperlihatkan gejala yang akan dialami oleh individu apabila dijangkiti COVID-19 seperti demam, batuk, kesukaran bernafas, panas dan kepenatan. Seterusnya, *Engkaulah Adiwiraku* (2020) juga menyampaikan informasi penting berkaitan langkah-langkah yang harus dilakukan bagi mengekang dijangkiti oleh COVID-19. Antara langkah-langkah keselamatan yang wajib diambil oleh orang ramai seperti mana yang digariskan Kementerian Kesihatan Malaysia (2020), seperti mempraktikkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter dari satu sama lain, mencuci tangan dengan bersih dan kerap, menutup mulut dan hidung sekiranya batuk atau bersin, budaya berjabat tangan diganti dengan hanya meletakkan tangan di dada sebagai tanda hormat tanpa memerlukan sentuhan, amalkan kebersihan diri dan individu yang dijangkiti COVID-19 perlu berada dalam rumah serta mengasingkan diri daripada orang lain. Mesej berkaitan langkah-langkah keselamatan ini disalurkan oleh pengarang dengan bahasa yang ringkas, mudah dan mesra untuk difahami oleh pembaca khususnya kanak-kanak. Hal ini kerana mesej yang disalurkan dalam bentuk media komunikasi yang berinformatif dan menggunakan ilustrasi yang mampu menarik perhatian dan minat kanak-kanak. Mesej tersebut disalurkan dalam *Engkaulah Adiwiraku* (2020) dalam bentuk penceritaan dengan melibatkan watak kanak-kanak sebagai watak utama. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Membasuh tangan dengan sabun dan air!” ujar Salem sambil tersenyum. “Kami semua tahu, Sara. Kami juga perlu batuk ke arah siku yang dibengkokkan jika kami sakit – hanya melambai tangan kepada orang dan tidak perlu berjabat tangan.”

“Pergilah, ceritakan pada seluruh keluarga, kita semua lebih selamat di dalam rumah! Kita boleh menjaga semua ahli keluarga dengan kekal berada di dalam rumah!”

“Kita perlu kekal sekurang-kurangnya satu meter di antara satu sama lain.”

“Kami mencuci tangan dengan sabun dan air!” kata Leila.”

Mesej yang turut dimasukkan dalam *Engkaulah Adiwiraku* (2020), iaitu golongan orang tua merupakan golongan yang berisiko tinggi dijangkiti oleh COVID-19. Perkara ini membuktikan peranan buku cerita dalam menyalurkan mesej kepada kanak-kanak, ibu bapa, guru, penjaga dan masyarakat supaya memastikan ahli keluarga yang berumur 65 tahun ke atas dinasihatkan untuk lebih berwaspada dan mengambil berat langkah-langkah pencegahan seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam laman web rasmi organisasi tersebut. Pengarang menyalurkan mesej tersebut dalam *Engkaulah Adiwiraku* (2020) melalui watak Salem. Watak Salem memaparkan bahawa dia merindui datuk

dan neneknya, namun dia tidak boleh berjumpa mereka kerana dikhuatiri dia akan menjadi penyebab kepada datuk dan neneknya dijangkiti coronavirus. Berdasarkan garapan cerita tersebut menunjukkan pengarang menggunakan watak kanak-kanak dan bahasa yang mudah untuk menyalurkan mesej tersebut kepada pembaca. Mesej tersebut dapat dilihat seperti dalam petikan berikut:

“Saya juga begitu, saya fikirkan tentang semua orang yang telah membantu saya berasa selamat, seperti datuk dan nenek saya,” kata Salem. “Saya merindui mereka. Saya tidak boleh memeluk mereka kerana saya mungkin boleh menjangkiti mereka dengan coronavirus. Kami biasanya berjumpa mereka setiap hujung minggu, tetapi sekarang tidak boleh kerana kami perlu memastikan mereka selamat.”

Selain itu, *Engkaulah Adiwiraku* (2020) memperlihatkan mesej berupa teguran dan nasihat kepada masyarakat supaya tidak memulaukan individu yang telah sembuh daripada COVID-19. Salmah (1981, hlm.74) berpendapat bahawa kesusasteraan kanak-kanak berfungsi untuk menyampaikan idea-idea yang bermanfaat kepada kanak-kanak untuk menyelesaikan segala masalah dan kesukaran yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Dengan kata lain, kewujudan *Engkaulah Adiwiraku* (2020) berperanan menyampaikan cadangan yang boleh diaplikasikan oleh kanak-kanak sebagai rujukan di dunia realiti. Menerusi watak kanak-kanak dalam *Engkaulah Adiwiraku* (2020), pengarang menyalurkan mesej kepada masyarakat supaya mengambil berat terhadap individu yang dijangkiti COVID-19. Mesej tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“Saya kawan Kim,” kata salah seorang kanak-kanak tersebut. “Walaupun Kim dijangkiti coronavirus, kami tidak berhenti berkawan dengannya. Walaupun saya tidak dapat berjumpa dengannya, saya tetap mengambil berat tentang dirinya. Kini kami berasa gembira kerana kami dapat bermain bersama sekali lagi!”

Di samping itu, mesej lain yang disampaikan oleh pengarang dalam *Engkaulah Adiwiraku* (2020), ialah cara-cara yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak apabila berasa tertekan dengan perubahan drastik dalam kehidupan seharian akibat COVID-19. Antaranya, kanak-kanak dicadangkan supaya membayangkan perkara-perkara yang indah untuk menggembirakan diri, seperti ahli keluarga. Selain itu, sokongan dan saling mengambil berat antara ahli keluarga dengan menelefon ahli keluarga yang jauh untuk berkongsi cerita dapat meringankan beban serta menggembirakan kanak-kanak. Perkara tersebut dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Mereka menelefon saya setiap hari dan saya menceritakan kepada mereka tentang semua perkara yang kami lakukan di rumah. Ia membuatkan saya berasa lebih gembira, begitu juga mereka.”

Berdasarkan petikan tersebut menunjukkan mesej berkaitan saling mengambil berat antara ahli keluarga dapat membantu menggembirakan dan memberi motivasi antara satu sama lain. Hal ini kerana, perubahan drastik akibat pandemik COVID-19 memberi kesan psikologi terhadap kanak-kanak kerana kanak-kanak memerlukan masa untuk menerima perubahan drastik yang berlaku dalam kehidupan. Kanak-kanak juga memerlukan sokongan orang dewasa seperti ahli keluarga dan guru untuk memahami situasi yang berlaku. Mesej tersebut disalurkan oleh pengarang dalam *Engkaulah Adiwiraku* (2020) seperti mana dalam petikan berikut:

“Dia berasa kecewa. Dia mahu pergi ke sekolah tetapi sekolahnya tutup. Dia mahu berjumpa rakan-rakannya tetapi keadaan tidak selamat untuknya berbuat demikian.”

Terlalu banyak perkara yang telah berubah,” kata Sara. Kadang-kala saya berasa takut.”

Merujuk kepada petikan tersebut memperlihatkan kesan dari segi emosi, perubahan aktiviti harian dan hubungan sosial kanak-kanak dengan rakan-rakan disebabkan oleh COVID-19. Justeru, dengan penghasilan *Engkaulah Adiwiraku* (2020) dapat menyalurkan maklumat kepada masyarakat, khususnya ibu bapa, penjaga dan guru supaya memahami dan membantu kanak-kanak berdepan situasi tersebut. Hal ini kerana sokongan dan bantuan daripada individu yang rapat dengan kanak-kanak mampu meringankan bebanan perasaan yang dialami oleh kanak-kanak. Mesej lain yang disalurkan oleh pengarang, iaitu semua lapisan masyarakat bertanggungjawab dalam memutuskan rantai COVID-19 untuk melindungi diri sendiri, keluarga dan masyarakat sekeliling dapat dilihat dalam petikan berikut: Leila berkata, “kita boleh menjaga satu sama lain.” Berdasarkan petikan tersebut menunjukkan mesej yang digarap oleh pengarang dalam karya bahawa setiap individu bertanggungjawab untuk menjaga satu sama lain.


Hal ini menunjukkan peranan *Engkaulah Adiwiraku* (2020) sebagai media komunikasi yang dapat digunakan oleh individu untuk menyalurkan mesej. Pengarang telah menggarap *Engkaulah Adiwiraku* dengan mesej-mesej yang sangat bermanfaat bagi membantu kanak-kanak berdepan dengan COVID-19, di samping kepada setiap lapisan masyarakat. Justeru, dengan menggunakan sumber seperti buku cerita *Engkaulah Adiwiraku* (2020), pengarang telah berjaya menyalurkan maklumat dan memberikan motivasi kepada masyarakat bahawa semua orang mempunyai tanggungjawab untuk melawan pandemik COVID-19 dengan saling melindungi satu sama lain. Jika setiap individu mampu mematuhi semua peraturan dan langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak bertanggungjawab, maka penyebaran COVID-19 mampu dikekang. Di samping itu, pengarang turut menjelaskan peranan para doktor dan jururawat dalam membantu masyarakat berdepan dengan situasi getir sekali gus layak diiktiraf sebagai adiwira. Secara tidak langsung, pengarang telah menyalurkan mesej penghargaan kepada barisan hadapan yang banyak berkorban masa dan tenaga untuk membantu mengekang penyebaran pandemik COVID-19.

Selain berjaya menyalurkan mesej-mesej yang berbentuk fakta berkaitan COVID-19, pengarang turut menggunakan bahasa yang bersesuaian dengan tahap kemahiran bahasa khalayak sasaran, iaitu kanak-kanak. Mesej-mesej penting yang dibicarakan dalam *Engkaulah Adiwiraku* (2020) disampaikan dengan bahasa dan gambar yang menarik, dapat difahami dan dekat dengan kanak-kanak. Penterjemahan karya ini ke dalam beberapa bahasa seperti Bahasa Melayu khusus untuk masyarakat Malaysia mampu menyampaikan maklumat berkaitan COVID-19 dengan lebih berkesan. Hal ini kerana semua lapisan masyarakat dari pelbagai kaum di Malaysia dapat membaca dan memahami mesej yang disalurkan dalam buku cerita tersebut. Siti Saniah (2017) menyatakan bahawa bahasa berperanan penting untuk menyalurkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Selain itu, Mohammed Azlan (2012) juga menjelaskan bahawa pemilihan bahasa yang bersesuaian dan bersifat menyeluruh memainkan peranan penting dalam menyalurkan mesej kepada masyarakat yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan etnik seperti di Malaysia. Dengan kata lain, terjemahan karya tersebut ke dalam bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi negara Malaysia mampu menyampaikan mesej kepada masyarakat secara lebih menyeluruh kerana semua lapisan masyarakat dari pelbagai etnik, kaum dan agama di Malaysia mampu bertutur dan memahami bahasa Melayu. Di samping itu, mesej berupa teguran dan nasihat yang disampaikan secara tidak langsung lebih mudah diterima berbanding secara langsung. Hal ini memperlihatkan bahawa proses mendidik dengan menggunakan medium karya sastera seperti *Engkaulah Adiwiraku* (2020) mampu menyampaikan pesanan dengan lebih berkesan. Zahir (2005) menyatakan bahawa didikan secara berlapik lebih mudah mempengaruhi dan diterima oleh penerima pesan.

Mesej yang disalurkan dalam *Engkaulah Adiwiraku* (2020) ditujukan khas untuk kanak-kanak di seluruh dunia yang terjejas dengan perubahan drastik yang berlaku akibat COVID-19. UNICEF menyatakan bahawa *Engkaulah Adiwiraku (My Hero is You)* (2020) adalah, “a new fictional book develops by and for children aims to help families understand and cope with Covid-19.” Hal ini membuktikan kepentingan *Engkaulah Adiwiraku* (2020) supaya dapat menyalurkan maklumat kepada masyarakat mengenai COVID-19. Buku cerita ini menyasarkan golongan kanak-kanak yang berumur antara 6 hingga 11 tahun, iaitu kanak-kanak yang sudah pandai membaca. Namun begitu, ibu bapa, penjaga dan guru digalakkan untuk memberi bimbingan kepada kanak-kanak ketika membaca buku cerita tersebut supaya mesej yang disampaikan lebih berkesan dan difahami oleh kanak-kanak. Selain itu, kanak-kanak juga memerlukan orang dewasa untuk mendapatkan panduan bagaimana bertindak balas terhadap peristiwa yang tertekan. Kanak-kanak memerlukan sokongan moral dan motivasi daripada ahli keluarga, penjaga dan guru apabila berdepan dengan perubahan drastik yang berlaku di persekitaran disebabkan COVID-19 seperti mana dalam petikan berikut:

“It is very important to remember that children look to adults for guidance on how to react to stressful events. If parents, caregivers, teachers seem overly worried, children’s anxiety may rise. Adults should reassure children that health, school, social services staff are doing their best to ensure that people throughout the country stay healthy and safe.” (Save the Childrens Resource Centre, 2020)

Berdasarkan analisis kajian memperlihatkan proses komunikasi yang wujud antara pengarang dan pembaca melalui informasi atau maklumat berkaitan COVID-19 yang digarap dalam karya *Engkaulah Adiwiraku* (2020). Pengarang melalui karya ini banyak menyalurkan informasi-informasi penting berkaitan COVID-19 seperti cara virus tersebut merebak, langkah-langkah keselamatan yang perlu dipraktikkan, peranan sokongan moral kepada individu yang telah sembuh serta peranan ibu bapa, guru dan rakan. Pengarang memainkan peranan yang penting sebagai penyampai sumber. Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Berlo (1960), antara ciri-ciri yang perlu ada pada sumber ialah mempunyai pengetahuan tentang subjek yang diketengahkan bagi melancarkan proses penyampaian pesanan. Selain itu, melalui proses penceritaan dalam karya tersebut secara tidak langsung menjelaskan peranan karya sastera dalam menyampaikan maklumat yang dapat menjadi panduan dan pedoman kepada khalayak sekali gus menunjukkan fungsinya sebagai media komunikasi. Hal ini diperlihatkan dalam gambar rajah 2 berikut:



Rajah 2: Hubungan antara pengarang, informasi, saluran dan kanak-kanak

Hubungan antara pengarang, informasi, saluran dan penerima dalam *Engkaulah Adiwiraku* (2020) ini menepati model komunikasi SMCR Berlo (1960). Pengarang berperanan menyampaikan informasi penting kepada pembaca. Informasi tersebut berkaitan COVID-19 dan tindakan yang perlu diambil serta peranannya dalam memberi hiburan kepada kanak-kanak bagi berdepan perubahan drastik akibat COVID-19. Salmah Ayob (1981) menyatakan bahawa karya sastera dihasilkan untuk memberi manfaat dan hiburan kepada kanak-kanak sekali gus memperlihatkan peranan karya sastera sebagai saluran media komunikasi yang dapat mendidik dan memberi ilmu kepada khalayak sasaran.

KESIMPULAN

Engkaulah Adiwiraku (2020) adalah media komunikasi yang dimanfaatkan oleh pengarang untuk menyalurkan informasi dan maklumat penting berkaitan COVID-19. Gaya penceritaan yang menarik tetapi informatif mampu menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan. Selain itu, penyampaian maklumat dengan gaya bahasa yang indah dan mudah serta jalan cerita yang menarik dapat menarik perhatian kanak-kanak dan memberi pengetahuan berguna kepada kanak-kanak. Melalui proses kreatif tersebut, penyaluran maklumat penting mengenai COVID-19 dan bagaimana berdepan situasi tersebut yang ditampilkan menerusi watak kanak-kanak dalam buku cerita akan mudah diserap dan dicerna oleh kanak-kanak sebagai panduan dalam menghadapi COVID-19 dan berdepan perubahan mendadak dalam kehidupan seharian. Meskipun penerima mesej adalah kanak-kanak, dan menurut Berlo (1960), sumber dan penerima mesej perlu mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sumber bagi memastikan komunikasi berjaya, namun telah dijelaskan bahawa penghasilan buku ini daripada penyelidikan yang melibatkan ibu, bapa, guru, penjaga dan kanak-kanak di seluruh dunia. Hal ini memperlihatkan bahawa sumber mengambil maklum tahap komunikasi, sikap, pengetahuan, sistem sosial dan budaya kanak-kanak. Malahan sumber juga memaklumkan bahawa pentingnya peranan ibu bapa, guru dan penjaga untuk terlibat sama dalam proses pembacaan. Berdasarkan dapatan kajian memperlihatkan kepentingan sumber (pengarang), pesan (isi kandungan dalam karya), saluran (*Engkaulah Adiwiraku*) dan penerima (kanak-kanak) dalam komunikasi SMCR Berlo (1960). Kajian turut memperlihatkan keempat-empat komponen tersebut saling berkait rapat sekali gus memperlihatkan peranan sastera sebagai medium menyalurkan mesej untuk mendidik, menyampaikan ilmu pengetahuan dan menghiburkan masyarakat kekal relevan sepanjang zaman.

BIODATA

Rohayati Junaidi (pengarang utama) merupakan seorang pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Bidang kepakaran adalah bidang Kesusasteraan Melayu Moden dan Kesusasteraan Kanak-kanak. Email: rohayati@fbk.upsi.edu.my

Madiawati Mamat @ Mustaffa merupakan seorang pensyarah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Bidang kepakaran adalah Kesusasteraan Lisan dan Kesusasteraan Elektronik. Email: atie@um.edu.my

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali merupakan seorang pensyarah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Bidang kepakaran adalah Kesusasteraan Melayu Moden, Teori dan Kritikan Sastera. Email: inmarlin@um.edu.my

Nur Faaizah Md Adam merupakan seorang pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Bidang kepakaran adalah Bahasa dan Linguistik Melayu dan Sociolinguistik. Email: nurfaaizah@fbk.upsi.edu.my

Siti Nur Anis Muhammad Apandi merupakan seorang pensyarah di Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan. Bidang kepakaran adalah Kesusasteraan Moden dan Kesusasteraan Budaya. Email: nuranis.m@umk.edu.my

RUJUKAN

- Ahmed, A. (2017). *Literature and its influence on human life*. Paper presented at the National Conference Cum Workshop on Recent Trends Technical Language and Communication: Emerging Requirement at Rajkiya Engineering College, Chadpur, Bijnor. <http://data.conferenceworld.in/NCCW/P129-134.pdf>
- Ani Omar. (2012). Kesusasteraan dan peranan puisi dalam kehidupan kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 1, 87-121. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/755>
- Arman Sani. (1976). *Wawancara dengan penulis/ pengarang sastera kanak-kanak oleh Suhaimi Haji Muhammad*. Dewan Sastera.
- Berlo, D. K. (1960). *The process of communication: An introduction of theory and practice*. United States: Holt, Rinehart and Winston.
- Burgoon, M., & Ruffner, M. (1978). *Human communication: A revision of approaching speech/communication*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Chew, F. P. (2008). Persepsi khalayak terhadap isu-isu pendidikan sastera perpaduan. *Sari*, 28, 3-25. <https://www.researchgate.net/publication/242153792> Persepsi Khalayak Terhadap Isu-Isu Pendidikan Sastera Perpaduan
- Farra Humairah Mohd, & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 35-51. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1190>
- Feisul Idzwan Mustapha. (Ed.). (2020). *Engkaulah adiwiraku*. IASC: Inter-Agency Standing Committee. <https://interagencystandingcommittee.org/results?q=engkaulah+adiwiraku>
- Ghazali Din, Abdul Halim Ali, & Mohd Azam Sulong. (2015). Konsep komunikasi dan kepengarangan Muhammad Haji Salleh berdasarkan model Teksnaluri. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 3(1), 166-186. <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/82>
- Patuck, H. (2020, March 31). *My hero is you, storybook for children on COVID-19*. IASC: Inter-Agency Standing Committee. <https://interagencystandingcommittee.org/iasc-reference-group-mental-health-and-psychosocial-support-emergency-settings/my-hero-you-storybook-children-covid-19>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm>
- Misran Rokimin. (2006). *Isu pendidikan dan pembangunan insan menerusi novel*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammed Azlan Mis. (2012). Medium perantara pelbagai suku kaum di Sarawak: Kajian *Lingua Franca*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(3), 903-922.
- Mohd Daud Ibrahim, & Rohaidah Kamaruddin. (2015). Mesej pengarang: Satu penelitian terhadap novel Anak Titiwangsa karya sasterawan negara Keris Mas. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 3(2), 17-25.

- Muhd Norizam Jamian, & Shaiful Bahri Md Radzi. (2015). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu analisis. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 183-194. <http://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/14925>
- Salmah Ayob. (1981). Sastera untuk kanak-kanak: Fungsi dan implikasinya. *Pendidik dan Pendidikan*, 3(1), 73-82. http://apjee.usm.my/JPP_03_1981/Jilid%2003%20Artikel%2009.pdf
- Save The Childrens Resource Centre. (2020). How to speak with children about Coronavirus. <https://resourcecentre.savethechildren.net/document/how-speak-children-about-coronavirus/>
- Schramm, W. (1982). *Men, women, messages, and media: Understanding human communication* (2nd ed). New York: Harper & Row.
- Siti Saniah Abu Bakar. (2017). Komunikasi interpersonal guru bahasa di Jerman. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(2), 245-261.
- Syofiah Ulfah, Zamri Mahamod, & Jamaludin Badusah. (2013). Kemahiran komunikasi interpersonal ekspresif: Mencipta guru Bahasa Indonesia yang penyayang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(1), 139-154.
- Turow, J. (2010). *Media today: An introduction to mass communication*. New York: Routledge.
- Wenzel, M. (2005). The crucial role of literature in the generation of knowledge and critical thinking. *Literator*, 26(1), 69-82. <https://doi.org/10.4102/lit.v26i1.219>
- World Health Organization. (2020). Children's story book released to help children and young people cope with COVID-19. <https://www.who.int/news/item/09-04-2020-children-s-story-book-released-to-help-children-and-young-people-cope-with-covid-19>
- Zahir Ahmad. (2005). Peranan sastera Islam dalam pembentukan akhlak penduduk alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 254-265. <http://eprints.um.edu.my/id/eprint/11202>